



SIARAN AKHBAR

PERSIDANGAN MEMBANTERAS PEMBIAYAAN PENGGANASAN

Empire Hotel and Country Club, Jerudong

Hari Selasa, 9 Rabiulawal 1439 bersamaan dengan 28 November 2017

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), melalui Unit Perisikan Kewangan (UPK), telah mengadakan Persidangan Membanteras Pembiayaan Pengganasan bagi julung-julung kalinya di Negara Brunei Darussalam pada Hari Selasa, 9 Rabiulawal 1439 bersamaan dengan 28 November 2017, di Empire Hotel and Country Club, Jerudong.
2. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan kata alu-aluan oleh Tetamu Kehormat Majlis, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dalam kata-kata alu-aluannya, YM Dato Seri Paduka Haji Hamdan menegaskan kepentingan membanteras pembiayaan pengganasan di Negara Brunei Darussalam, serta menekankan lagi objektif utama persidangan tersebut, iaitu untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang isu-isu pembiayaan pengganasan di kalangan pihak-pihak berkepentingan dalam meningkatkan pematuhan Negara Brunei Darussalam terhadap piawaian antarabangsa.
3. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengurus Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan (NAMLC), Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmaddin Bin Haji Abd Rahman, Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan dan Yang Mulia Awang Mohamed Riza bin Dato Paduka Haji Mohamed Yunos, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri; serta ahli-ahli NAMLC yang lain.
4. Sebuah ucaptama juga telah disampaikan oleh YM Alistair Sands dari *Australian Transaction Reports and Analysis Centre*, yang antaralainnya, menjelaskan risiko-risiko pembiayaan pengganasan serantau yang dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam, dan hasil perbincangandi *Counter-Terrorism Financing Summit* yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia baru-baru ini.
5. Persidangan ini dibahagikan kepada tiga sesi panel yang disampaikan oleh pakar-pakar antarabangsa dalam bidang pembanterasan pembiayaan pengganasan, wakil-wakil dari agensi-agensi perisikan dan penguatkuasaan Negara Brunei Darussalam dan juga wakil-wakil dari sektor swasta. Tema bagi sesi panel tersebut termasuk rejim pembanterasan pembiayaan di Negara Brunei Darussalam, impak media sosial dan perkembangan teknologi berhubung pembiayaan pengganasan, dan peranan sektor swasta dalam membanteras pembiayaan pengganasan.
6. Persidangan tersebut dihadiri oleh 200 peserta termasuk pegawai-pegawai kerajaan, pihak AMBD dan wakil-wakil daripada sektor swasta yang berkaitan.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam
Date: 9 Rabiulawal 1439/ 28 November 2017
Ref No: AMBD/COMMS/3